PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan bertambah baik pada suku ketiga

Pada suku ketiga 2011, ekonomi global terus berhadapan dengan beberapa cabaran. Ketidakpastian yang berlanjutan dalam pasaran kewangan, keadaan fiskal yang tidak memuaskan dan pasaran pekerja yang lemah dalam ekonomi maju terus memberikan risiko kepada pertumbuhan dalam ekonomi sedang pesat membangun seperti Malaysia. Meskipun menghadapi persekitaran yang mencabar, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 5.8% (S2 11: 4.3%), hasil daripada permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Permintaan dalam negeri yang kukuh dipacu oleh perbelanjaan isi rumah dan sektor perniagaan yang meningkat serta perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi. Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada suku ketiga, dengan sektor perkilangan mencatat prestasi yang nyata lebih baik disokong oleh permintaan serantau yang mantap bagi keluaran berasaskan sumber dan pemulihan daripada gangguan rantaian bekalan berikutan bencana alam di Jepun.

Permintaan dalam negeri berkembang dengan lebih pantas

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 9.0% pada suku ketiga (S2 11: 5.6%). Pertumbuhan didorong oleh pengembangan dalam perbelanjaan isi rumah dan sektor perniagaan serta perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi.

Penggunaan swasta meningkat dengan kukuh pada 7.3% (S2 11: 6.4%) berikutan pertumbuhan pendapatan yang menggalakkan hasil daripada keadaan pasaran pekerja yang kekal stabil dan pembayaran bonus setengah bulan kepada kakitangan awam. Harga komoditi yang teguh terus menyokong pendapatan isi rumah luar bandar. Sentimen pengguna yang bertambah baik, seperti ditunjukkan oleh peningkatan dalam Indeks Sentimen Pengguna MIER Suku Ketiga (108.7 mata; S2 11: 107.9 mata), turut merangsang perbelanjaan pada suku tersebut. Penunjuk penggunaan utama menunjukkan peningkatan yang mampan dalam perbelanjaan pengguna. Ini termasuk jualan makanan dan minuman, jualan kereta penumpang baharu, import barangan penggunaan, pemberian pinjaman bank kepada isi rumah serta perbelanjaan kad kredit.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	4.9	5.9	7.3	5.6	9.0
Penggunaan	3.3	4.8	7.6	6.4	9.9
Sektor swasta	*6.7*	*6.4*	*6.7*	*6.4*	*7.3*
Sektor awam	*-9.8*	*0.1*	*11.7*	*6.6*	*21.7*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	10.1	10.0	6.5	3.2	6.1
Eksport Bersih	-30.8	-19.2	-39.6	17.2	18.1
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*6.8*	*1.7*	*1.4*	*4.1*	*4.2*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*11.2*	*3.5*	*8.4*	*3.2*	*3.2*
KDNK	**5.3**	**4.8**	**5.2**	**4.3**	**5.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan awam berkembang sebanyak 21.7% (S2 11: 6.6%) berikutan perbelanjaan bagi emolumen, bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi serta pembayaran bonus pada suku ketiga. Ini mencerminkan langkah-langkah berterusan Kerajaan untuk menambah baik perkhidmatan penyampaian awam melalui pembaikan dan penyelenggaraan barang awam dan penyediaan perkhidmatan asas seperti penjagaan kesihatan dan pendidikan.

Pembentukan modal tetap kasar meningkat sebanyak 6.1% pada suku ketiga (S2 11: 3.2%), disokong oleh perbelanjaan modal sektor awam yang lebih tinggi, khususnya perusahaan awam bukan kewangan (PABK) dan pelaburan sektor swasta yang terus meningkat. Pelaburan sektor swasta mendapat manfaat daripada pertumbuhan permintaan dalam negeri yang berterusan dan sentimen perniagaan yang positif. Selain itu, pelaburan tersebut juga mencerminkan

Perniagaan dan pengguna terus optimistik



Sumber: MIER

aktiviti cari gali dan pembangunan yang sedang dijalankan dalam industri minyak dan gas serta pengembangan dalam sektor telekomunikasi. Kapasiti baharu terus ditambah kepada industri tenaga boleh diperbaharui dan kelengkapan perubatan. Penunjuk pelaburan utama seperti jualan kenderaan perdagangan, pengeluaran dan jualan bahan berkaitan pembinaan serta pemberian pinjaman bank kepada sektor perniagaan telah menunjukkan pertumbuhan yang stabil lantas menjurus kepada pengembangan berterusan dalam perbelanjaan modal sektor swasta. Sentimen perniagaan adalah positif seperti ditunjukkan oleh Indeks Keadaan Perniagaan MIER yang kekal melebihi tahap penanda aras 100 mata (104.5 mata; S2 11: 114.0 mata). Sejumlah besar daripada perbelanjaan pembangunan kerajaan pada suku ketiga disalurkan kepada sektor kemudahan awam, pendidikan, pengangkutan, serta perdagangan dan perindustrian, manakala pelaburan oleh PABK disalurkan terutamanya ke dalam sektor minyak dan gas, kemudahan awam dan pengangkutan.

Pertumbuhan sektor ekonomi utama lebih kukuh

Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam kebanyakan sektor ekonomi adalah lebih kukuh pada suku ketiga, dipacu oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Prestasi sektor perkhidmatan yang lebih baik disokong terutamanya oleh aktiviti-aktiviti dalam negeri, manakala bagi sektor perkilangan pula, pertumbuhannya mencerminkan keadaan rantaian bekalan yang

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2000)

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	3.0	-3.9	-0.2	6.9	8.2
Perlombongan	-0.7	-1.2	-4.2	-9.2	-6.1
Perkilangan	7.6	6.2	5.5	2.1	5.1
Pembinaan	2.8	5.6	3.8	0.6	3.0
Perkhidmatan	5.3	6.1	7.0	6.8	7.0
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**5.3**	**4.8**	**5.2**	**4.3**	**5.8**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Tempoh Sebelumnya)	**2.3**	**1.7**	**-2.5**	**2.8**	**3.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2000)

	Bahagian 2010 (%)	2010		2011		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**43.7**	**6.7**	**6.0**	**6.8**	**6.0**	**6.0**
Kewangan & insurans	20.3	6.4	3.7	6.8	5.6	4.6
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	9.5	6.3	8.7	8.8	7.6	6.7
Pengangkutan & penyimpanan	6.6	5.6	5.2	4.3	4.7	6.1
Komunikasi	7.4	9.2	9.8	6.4	6.4	8.7
Perkhidmatan Akhir	**56.3**	**4.2**	**6.3**	**7.1**	**7.5**	**7.9**
Perdagangan borong & runcit	23.6	5.7	8.3	6.8	7.3	9.0
Penginapan & restoran	4.2	5.1	3.7	4.0	5.6	5.4
Utiliti	5.2	3.8	4.2	1.3	2.4	4.6
Perkhidmatan Kerajaan	13.0	2.0	6.1	13.7	12.8	10.7
Perkhidmatan lain	10.2	3.7	3.9	3.9	4.6	4.3
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**5.3**	**6.1**	**7.0**	**6.8**	**7.0**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2010			2011		
	S2	S3	S4	S1	S2	S3
	Indeks					
Indeks Sentimen Pengguna MIER	110.4	115.8	117.2	108.2	107.9	108.7
Indeks Perdagangan Runcit MIER	134.1	140.0	132.0	99.1	120.8	150.0
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	118.2	118.8	124.6	113.1	125.4	115.2
	Perubahan tahunan (%)					
Ketibaan pelancong	3.9	5.6	1.2	-3.7	-4.8	n.a.
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	14.1	10.0	6.3	11.8	13.4	10.8
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	10.6	10.7	9.8	9.5	8.7	8.5
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	8.6	7.3	7.5	7.2	6.8	9.6
Import barangan penggunaan	12.8	2.8	6.9	5.8	17.5	26.5
Jumlah jualan kenderaan bermotor	17.4	3.7	9.3	7.5	-9.7	0.6
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	21.3	10.9	9.6	14.4	9.6	9.8

Sumber: Pelbagai sumber

bertambah baik dan peningkatan pengeluaran industri berorientasikan dalam negeri. Sektor pembinaan juga mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, disokong oleh subsektor kejuruteraan awam. Sektor pertanian terus berkembang, manakala sektor perlombongan pula menguncup pada kadar yang lebih perlahan.

Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 7.0% pada suku ketiga 2011 (S2 11: 6.8%) dan menyumbangkan sebanyak 4.0 mata peratusan kepada pertumbuhan keseluruhan. Pertumbuhan sektor ini disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Subsektor **perdagangan borong dan runcit** meningkat sebanyak 9.0% (S2 11: 7.3%). Pertumbuhan dalam segmen runcit kekal berdaya tahan disebabkan oleh penggunaan swasta yang kukuh. Peningkatan dalam penggunaan swasta turut mendorong pertumbuhan yang berterusan dalam subsektor **penginapan dan restoran** (5.4%; S2 11: 5.6%). Subsektor **kewangan dan insurans** berkembang sebanyak 4.6% (S2 11: 5.6%) didorong oleh pertumbuhan yang berterusan dalam pendapatan faedah bersih dan pendapatan berasaskan fi seiring dengan pertumbuhan pinjaman. Subsektor **harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** mencatat pertumbuhan sebanyak 6.7% (S2 11: 7.6%), didorong oleh aktiviti berkaitan pasaran modal yang menggalakkan pada suku tersebut.

Dalam **sektor perkilangan**, nilai ditambahnya meningkat kepada 5.1% (S2 11: 2.1%) hasil daripada peningkatan dalam pengeluaran industri berorientasikan dalam negeri dan berorientasikan eksport. Dalam **industri berorientasikan eksport**, pertumbuhan disokong oleh kelompok berasaskan sumber, dengan industri kimia dan keluaran kimia mencatat kadar pengeluaran yang lebih cepat pada suku ketiga didorong oleh permintaan serantau yang kukuh. Sementara itu, pengeluaran E&E terus merosot, namun pada kadar yang lebih perlahan memandangkan permintaan serantau yang berterusan terhadap separa konduktor telah lebih daripada

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai tahun 2009, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2004 kepada nilai tambah tahun 2006

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkilangan

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**7.6**	**6.2**	**5.5**	**2.1**	**5.1**
Pengeluaran Keseluruhan[1]	**7.2**	**6.6**	**5.9**	**2.2**	**5.2**
Industri berorientasikan eksport	**6.4**	**4.6**	**5.1**	**1.7**	**3.8**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**9.6**	**0.1**	**-5.3**	**-5.5**	**-0.5**
Antaranya:					
Elektronik	-7.4	-16.5	-18.1	-13.4	-3.8
Keluaran elektrik	44.6	34.8	17.9	6.8	4.0
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**4.7**	**7.2**	**11.3**	**6.0**	**6.3**
Antaranya:					
Kimia dan keluaran kimia	8.0	4.7	5.5	6.1	9.2
Keluaran petroleum	0.2	16.3	26.0	1.4	1.7
Keluaran getah	17.5	12.7	12.4	18.3	15.5
Pemprosesan di luar estet	2.9	-14.1	-7.4	17.6	9.9
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**9.8**	**13.6**	**8.9**	**3.8**	**9.7**
Kelompok keluaran berkaitan pembinaan	**9.3**	**22.2**	**22.1**	**17.4**	**18.6**
Antaranya:					
Keluaran berkaitan pembinaan	14.8	20.4	15.3	15.4	13.0
Keluaran logam yang direka	2.5	24.7	32.0	20.1	26.5
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**10.1**	**7.6**	**-0.3**	**-6.2**	**3.3**
Antaranya:					
Kelengkapan pengangkutan	20.7	20.8	-3.9	-14.7	-0.1
Makanan, minuman & keluaran tembakau	11.1	9.3	6.7	2.1	4.6

[1]Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

mengimbangi kemerosotan dua angka dalam pengeluaran komputer dan peralatannya. Sebaliknya, prestasi kelompok **industri berorientasikan dalam negeri** yang mantap mencerminkan pemulihan dalam kelompok berkaitan pengguna dan pengukuhan selanjutnya dalam kelompok berkaitan pembinaan. Pemulihan dalam kelompok berkaitan pengguna disebabkan terutamanya oleh pengeluaran kelengkapan pengangkutan yang secara beransur-ansur kembali pulih berikutan tekanan terhadap rantaian bekalan automotif global yang semakin berkurang.

Kadar kapasiti penggunaan keseluruhan sektor perkilangan kekal mampan (78%; S2 11: 78%). Industri berorientasikan eksport dan dalam negeri beroperasi pada tahap 79% dan 76% daripada jumlah kapasiti masing-masing pada suku ketiga (S2 11: masing-masing 78% dan 76%).

Dalam sektor komoditi, nilai ditambah **sektor pertanian** meningkat kepada 8.2% (S2 11: 6.9%), mencerminkan terutamanya pengeluaran minyak sawit mentah dan getah asli yang terus kukuh selain pemulihan dalam pengeluaran perikanan dan perhutanan. Walau bagaimanapun, **sektor perlombongan** menguncup sebanyak 6.1% (S2 11: -9.2%) berikutan pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah kerana penutupan beberapa loji pengeluaran minyak mentah untuk tujuan penyelenggaraan, serta kemerosotan pengeluaran daripada medan minyak yang telah matang dan pengeluaran medan minyak baharu yang lebih rendah daripada jangkaan.

Prestasi Sektor Pertanian

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**3.0**	**-3.9**	**-0.2**	**6.9**	**8.2**
Tanaman Industri	**-1.9**	**-10.2**	**-8.3**	**9.9**	**10.4**
Tanaman Makanan	**8.7**	**4.5**	**8.9**	**3.5**	**5.8**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	3.1	-15.1	-7.7	22.2	12.8
Getah	0.4	6.1	2.5	16.8	15.8
Ikan	6.1	2.4	2.0	-1.4	2.7
Ternakan	2.6	-2.2	-6.3	6.7	5.6

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**-0.7**	**-1.2**	**-3.0**	**-9.2**	**-6.1**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	-5.5	-4.4	-7.3	-17.8	-9.9
Gas asli	5.6	0.2	-0.9	2.7	-1.5

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 3.0% pada suku ketiga (S2 11: 0.6%), dipacu oleh prestasi subsektor kejuruteraan awam yang kembali

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan pengiklanan baharu	8.6	13.0	25.1	11.6	6.0
Kelulusan perumahan	43.1	31.7	31.6	14.1	54.1
Pengeluaran[1] bahan berkaitan pembinaan	9.3	22.2	22.1	17.4	18.6
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	77.0	49.7	29.3	31.8	-20.5
Import bahan pembinaan dan bahan galian	13.7	23.1	-1.2	23.3	24.4

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pulih. Selain kemajuan yang dicapai dalam projek utama seperti Jambatan Pulau Pinang Kedua dan KLIA2, subsektor kejuruteraan awam juga disokong oleh peningkatan dalam pelaksanaan projek infrastruktur lain. Subsektor kediaman terus berkembang didorong oleh pembiayaan yang akomodatif dan keadaan pasaran pekerja yang stabil, manakala pertumbuhan subsektor bukan kediaman disokong oleh pembinaan harta tanah komersial yang sedang dilaksanakan.

Inflasi meningkat pada suku ketiga

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 3.4% pada asas tahunan pada suku ketiga (S2 11: 3.3%). Kenaikan harga pengguna disebabkan terutamanya oleh peningkatan harga dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* sebanyak 4.8% (S2 11: 4.7%). Kenaikan harga makanan terutamanya disebabkan oleh harga dalam kategori *makanan di luar rumah* yang meningkat secara beransur-ansur sejak awal tahun 2011 (4.9%; S2 11: 4.4%). Harga dalam kategori *ikan dan makanan laut* juga mencatat peningkatan inflasi sebanyak 6.7% pada suku ketiga (S2 11: 5.2%).

Harga dalam kategori *pengangkutan* naik lebih perlahan sebanyak 4.3% (S2 11: 5.7%) pada suku ketiga berikutan tiadanya pelarasan seterusnya terhadap harga petrol RON95 dan diesel pada tahun 2011. Kesan daripada kenaikan harga pada suku ketiga telah dapat dikurangkan sebahagiannya oleh penurunan harga dalam kategori *komunikasi* serta *pakaian dan kasut*.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 10.9% pada asas tahunan pada suku ketiga (S2 11: 10.2%). Dari segi komposisi, harga komponen berkaitan komoditi adalah lebih tinggi sebanyak 29.6% (S2 11: 27.1%). Harga komponen bukan berkaitan komoditi dalam IHPR tidak berubah pada 2.3% (S2 11: 2.3%). Harga komponen

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

IHPR tempatan meningkat sebanyak 14.9% (S2 11: 13.6%) manakala harga komponen IHPR yang diimport mencatat peningkatan lebih perlahan sebanyak 2.3% (S2 11: 2.8%).

Keadaan pasaran pekerja stabil

Secara keseluruhan, keadaan pasaran pekerja kekal stabil, dengan kadar pengangguran tidak berubah pada 3.0% pada dua bulan pertama suku ketiga (S2 11: 3.0%). Pemberhentian pekerja bertambah kepada 3,605 orang (S2 11: 1,105 orang), sebahagian besarnya disebabkan oleh peristiwa yang berlaku sekali sahaja pada bulan Ogos, apabila sebanyak 2,545 orang pekerja telah diberhentikan kerja. Penutupan beberapa syarikat dalam segmen industri E&E bawahan dan perabot mencakupi 77% daripada jumlah pemberhentian pekerja pada bulan tersebut. Meskipun pemberhentian pekerja lebih

Keadaan Pasaran Pekerja



Sumber: Kementerian Sumber Manusia

tinggi, terdapat pertambahan pekerjaan bersih terutamanya dalam sektor berorientasikan dalam negeri (bilangan pekerja pada bulan Julai – Ogos: 12.32 juta orang; S2 11: 12.13 juta orang).

Permintaan terhadap pekerja pada suku ketiga kekal tinggi seperti ditunjukkan oleh peningkatan dalam bilangan jawatan kosong yang diiklankan di Portal JobsMalaysia (431,437 jawatan; S2: 514,189 jawatan). Pengurangan dalam jumlah jawatan kosong berbanding dengan suku sebelumnya mencerminkan bilangan peluang pekerjaan yang lebih rendah dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Upah benar dalam sektor perkilangan meningkat dengan lebih perlahan berbanding dengan suku sebelumnya (3.9%: S2 11: 4.7%).

Sektor luaran terus kukuh

Imbangan pembayaran keseluruhan terus kukuh dengan mencatat lebihan sebanyak RM10.9 bilion pada S3 2011 (S2 11: RM61.7 bilion), apabila lebihan yang lebih besar dalam akaun semasa telah lebih daripada mengimbangi kedudukan aliran keluar bersih dalam akaun kewangan.

Akaun semasa mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM26.6 bilion yang bersamaan dengan 12.5% daripada Pendapatan Negara Kasar disebabkan oleh lebihan barangan

Imbangan Pembayaran

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Akaun Semasa	**20.2**	**23.8**	**25.9**	**23.4**	**26.6**
(% daripada PNK)	*10.7*	*11.9*	*13.1*	*11.5*	*12.5*
Barangan	28.0	32.3	38.1	36.3	38.2
Perkhidmatan	1.1	0.9	-1.3	-0.7	-2.4
Pendapatan	-3.5	-4.0	-5.7	-6.9	-3.8
Pindahan semasa	-5.3	-5.5	-5.2	-5.3	-5.3
Akaun Kewangan	**-3.3**	**1.2**	**-6.0**	**44.5**	**-23.3**
Pelaburan langsung di luar negeri	-24.1	-8.9	-10.1	-7.9	-12.9
Pelaburan langsung asing	6.5	10.7	11.1	10.2	5.2
Pelaburan Portfolio	18.3	3.5	8.4	48.1	-23.4
Derivatif kewangan	0.8	0.1	0.1	0.4	-0.3
Pelaburan lain	-4.8	-4.3	-15.5	-6.3	8.2
- Sektor awam	*1.4*	*-0.2*	*-0.5*	*-0.2*	*-0.5*
- Sektor swasta	*-6.2*	*-4.2*	*-14.9*	*-6.1*	*8.7*
Kesilapan dan Ketinggalan	-15.9	-7.0	-4.0	-6.2	7.6
Imbangan Keseluruhan	**1.0**	**17.9**	**15.9**	**61.7**	**10.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**9.0**	**3.3**	**4.9**	**8.8**	**11.4**
Perkilangan	5.4	-0.3	-0.6	1.6	4.9
E&E	*4.0*	*-8.0*	*-7.5*	*-5.0*	*-4.0*
Bukan E&E	*7.1*	*10.2*	*7.5*	*9.4*	*15.8*
Komoditi	25.0	15.8	19.5	28.9	28.6
Pertanian	*17.8*	*31.9*	*26.5*	*43.3*	*44.9*
Mineral	*30.1*	*5.7*	*14.8*	*19.3*	*17.8*
Import Kasar	**16.4**	**10.2**	**12.5**	**7.4**	**7.4**
Barangan modal	18.4	9.0	16.7	10.2	5.6
Barangan pengantara	16.1	10.6	12.5	3.8	3.7
Barangan penggunaan	2.8	6.9	5.8	17.5	26.5
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**22.1**	**25.5**	**31.8**	**27.4**	**30.1**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia: Destinasi Eksport

	2010		2011			2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)					Bahagian daripada jumlah eksport (%)				
Amerika Syarikat	**-1.3**	**-11.0**	**-8.0**	**-7.1**	**-3.6**	**9.7**	**9.1**	**8.3**	**8.5**	**8.4**
Kesatuan Eropah (EU)	**10.6**	**0.3**	**5.3**	**3.4**	**6.3**	**10.8**	**10.8**	**10.7**	**10.2**	**10.3**
Negara ASEAN terpilih[1]	**4.4**	**1.9**	**0.1**	**6.3**	**10.1**	**24.1**	**25.3**	**24.6**	**24.6**	**23.8**
Timur Laut Asia	**7.0**	**1.4**	**2.5**	**9.0**	**14.6**	**24.6**	**24.2**	**24.4**	**24.5**	**25.3**
Republik Rakyat China	*2.4*	*-0.5*	*3.9*	*9.7*	*27.1*	*12.4*	*12.3*	*12.9*	*12.5*	*14.2*
Hong Kong SAR	*-1.7*	*-0.7*	*0.0*	*-4.6*	*-2.2*	*5.2*	*5.0*	*4.6*	*4.7*	*4.5*
China Taipei	*18.0*	*30.6*	*16.9*	*14.7*	*4.3*	*3.4*	*3.3*	*3.2*	*3.3*	*3.2*
Korea	*32.1*	*-8.3*	*-8.3*	*22.1*	*5.0*	*3.6*	*3.7*	*3.8*	*4.0*	*3.4*
Asia Barat	**-8.1**	**11.0**	**17.6**	**13.1**	**11.9**	**3.4**	**3.7**	**3.7**	**3.7**	**3.4**
India	**28.2**	**20.2**	**24.2**	**45.6**	**36.0**	**3.5**	**3.3**	**3.9**	**4.1**	**4.3**
Jumlah eksport	**9.0**	**3.3**	**4.9**	**8.8**	**11.4**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

yang lebih tinggi dan defisit pendapatan yang lebih rendah. Lebihan barangan meningkat kepada RM38.2 bilion pada suku ketiga 2011 apabila pertumbuhan eksport mengatasi pertumbuhan import. Eksport kasar mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 11.4% (S2 11: 8.8%), mencerminkan pengembangan berterusan dalam eksport produk perkilangan bukan E&E dan komoditi. Pertumbuhan import kekal pada 7.4% (S2 11: 7.4%).

Prestasi eksport yang lebih kukuh mencerminkan pengembangan menyeluruh dalam kesemua sektor eksport utama. Pertumbuhan eksport yang lebih tinggi bagi produk bukan E&E adalah terutamanya hasil daripada permintaan yang lebih tinggi terhadap kimia dan produk kimia; peralatan dan kelengkapan jentera, produk logam serta produk besi dan keluli. Kenaikan harga dan juga permintaan yang lebih tinggi terhadap komoditi telah merangsang eksport komoditi. Sebaliknya, eksport produk E&E terus lemah disebabkan oleh permintaan global terhadap komputer dan produk berkaitan komputer yang lembap.

Pertumbuhan import kasar kekal pada 7.4% pada S3 2011. Eksport perkilangan yang bertambah baik telah menyumbang kepada pertumbuhan yang mampan dalam import barangan pengantara. Import barangan penggunaan meningkat dengan nyata, terutamanya import kelengkapan pengangkutan serta makanan dan minuman. Pertumbuhan import modal menjadi sederhana disebabkan oleh berkurangnya import barangan besar manakala import barangan modal untuk pengembangan kapasiti terus meningkat.

Pada suku ketiga, **akaun pendapatan** mencatat defisit yang lebih rendah sebanyak RM3.8 bilion disebabkan oleh peningkatan pendapatan pelaburan terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri dan penurunan pendapatan pelaburan terakru kepada pelabur langsung asing di Malaysia. Defisit **akaun perkhidmatan** bertambah kepada RM2.4 bilion disebabkan terutamanya oleh penerimaan yang lebih rendah daripada perkhidmatan berkaitan perjalanan dan kenaikan bayaran bagi perkhidmatan pengangkutan yang diimport.

Akaun kewangan berubah daripada kedudukan aliran masuk bersih kepada aliran keluar bersih sebanyak RM23.3 bilion pada S3 2011 (S2 11: +RM44.5 bilion), disebabkan oleh aliran keluar bersih pelaburan portfolio yang besar serta aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (FDI) yang lebih kecil. **Pelaburan portfolio** bertukar arah untuk mencatat aliran keluar

bersih yang besar sebanyak RM23.4 bilion pada suku ketiga (S2 11: +RM48.1 bilion), terutamanya disebabkan oleh penjualan sekuriti hutang dan sekuriti ekuiti oleh pelabur asing dalam keadaan ketidaktentuan pasaran kewangan global yang semakin ketara.

Pelaburan langsung asing (foreign direct imvestment, FDI) mencatat aliran masuk bersih yang lebih rendah sebanyak RM5.2 bilion (S2 11: +RM10.2 bilion) apabila pendapatan tertahan syarikat multinasional (MNC) di Malaysia yang lebih tinggi telah diimbangi sebahagiannya oleh aliran masuk ekuiti dan modal lain yang lebih rendah. Pada suku ketiga, sejumlah besar daripada aliran masuk FDI adalah oleh syarikat dalam sektor perkilangan, terutamanya subsektor E&E dan petrokimia. Pelaburan dalam sektor minyak dan gas serta subsektor kewangan dan insurans adalah besar. Yang penting, FDI bersih pada sembilan bulan pertama tahun ini adalah lebih tinggi berbanding dengan pelaburan pada tempoh yang sama tahun 2010, yang pada amnya menunjukkan bahawa aliran masuk FDI ke Malaysia terus bertambah baik (Jan-Sept 2011: +RM26.4 bilion; Jan-Sept 2010: +RM18.6 bilion).

Pelaburan langsung luar negeri (Direct Investment Abroad, DIA) oleh syarikat Malaysia terus meningkat dan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM12.9 bilion pada suku ketiga (S2 11: -RM7.9 bilion). DIA bersih yang lebih besar ini mencerminkan aliran keluar modal ekuiti yang lebih tinggi dan perolehan tertahan yang lebih besar di luar negeri. Kebanyakan daripada pelaburan ini disalurkan kepada subsektor kewangan dan insurans, serta subsektor minyak dan gas, terutamanya di negara-negara Asia.

Pelaburan lain mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM8.2 bilion (S2 11: -RM6.3 bilion), mencerminkan terutamanya perubahan daripada kedudukan aliran keluar bersih kepada aliran masuk bersih yang besar oleh sektor swasta, khususnya sektor perbankan. Sektor awam mencatat aliran keluar yang kecil disebabkan oleh pembayaran balik bersih bagi pinjaman luar.

Hutang luar negeri bertambah

Jumlah hutang luar negeri Malaysia meningkat kepada RM262.6 bilion atau USD81.6 bilion pada akhir bulan September 2011 (akhir bulan Jun 2011: RM241.6 bilion atau USD79.1 bilion), bersamaan dengan 32% daripada PNK.

Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang adalah lebih tinggi pada RM157.8 bilion (akhir bulan Jun 2011: RM149.2 bilion), mencerminkan kedudukan peminjaman bersih sektor swasta dan pertambahan hutang susulan pengukuhan mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku tersebut. Dalam sektor swasta, hutang yang lebih tinggi mencerminkan terutamanya peminjaman antara syarikat dalam subsektor E&E, penjagaan kesihatan dan runcit. Walaupun perusahaan awam bukan kewangan (PABK) mencatat kedudukan pembayaran balik bersih, hutang jangka sederhana dan panjang sektor awam meningkat berikutan kejayaan Kerajaan Persekutuan menerbitkan Sukuk Global Wakala secara dua tranche (5 tahun dan 10 tahun) bernilai USD2 bilion.

Pada akhir bulan September 2011, **hutang luar negeri jangka pendek** berjumlah RM104.8 bilion atau USD32.6 bilion (akhir bulan

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2010	2011	
	akhir-Sep[a]	akhir-Jun[a]	akhir-Sep[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	146.7	149.2	157.8
Sektor awam	84.1	80.0	83.8
Sektor swasta	62.6	69.3	74.0
Hutang jangka pendek[1]	80.7	92.3	104.8
Jumlah hutang luar negeri	**227.4**	**241.6**	**262.6**
bersamaan USD bilion	73.0	79.1	81.6
Hutang Luar Negeri/PNK	30.8	29.5	32.0
Rizab antarabangsa/Hutang luar negeri jangka pendek	3.9	4.4	4.1[2]

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 31 Oktober 2011
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jun 2011: RM92.3 bilion), mencerminkan terutamanya peminjaman antara bank yang lebih tinggi. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi 39.9% daripada jumlah hutang luar negeri. Paras rizab antarabangsa terkini pada 31 Oktober 2011 ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab antarabangsa kekal tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM417.2 bilion (bersamaan dengan USD131 bilion) pada 30 September 2011. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi peningkatan nilai rizab disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan beberapa mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku tersebut. Pada 31 Oktober 2011, kedudukan rizab meningkat kepada RM429.1 bilion, bersamaan dengan USD134.8 bilion, memadai untuk membiayai 9.9 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Defisit fiskal bertambah berikutan perbelanjaan Kerajaan lebih tinggi

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan meningkat pada suku ketiga, mengakibatkan defisit fiskal keseluruhan yang lebih tinggi sebanyak 6.0% daripada KDNK. Perbelanjaan mengurus meningkat disebabkan oleh pembayaran emolumen, subsidi, serta geran dan pemindahan kepada badan berkanun. Perbelanjaan pembangunan juga lebih tinggi pada suku tersebut, disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang bertambah dalam sektor perdagangan dan industri, serta kemudahan awam. Defisit ini dibiayai oleh terbitan sekuriti kerajaan dan hasil daripada Sukuk Global Wakala yang diterbitkan pada 6 Julai 2011. Pada akhir bulan September 2011, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan ialah RM440.8 bilion atau 52.0% daripada KDNK.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2010		2011[a]		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Hasil	43.1	45.8	39.8	49.6	48.3
% pertumbuhan	*5.7*	*7.6*	*38.4*	*18.3*	*12.1*
Perbelanjaan mengurus	38.6	44.1	38.7	40.6	48.8
% pertumbuhan	*3.9*	*-4.6*	*21.2*	*9.5*	*26.6*
Akaun semasa	**4.6**	**1.7**	**1.1**	**9.1**	**-0.5**
% daripada KDNK	***2.4***	***0.8***	***0.5***	***4.3***	***-0.2***
Perbelanjaan pembangunan kasar	12.5	20.8	6.4	8.3	12.6
% pertumbuhan	*8.0*	*18.6*	*-12.0*	*-31.3*	*0.3*
Imbangan keseluruhan	**-7.8**	**-18.2**	**-5.2**	**0.8**	**-12.8**
% daripada KDNK	***-4.0***	***-8.9***	***-2.6***	***0.4***	***-6.0***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	51.1	64.9	45.1	48.9	61.4
% pertumbuhan	*4.9*	*1.8*	*15.0*	*-0.5*	*20.1*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	397.8	407.1	430.2	437.2	440.8
% daripada KDNK	*51.9*	*53.1*	*50.8*	*51.6*	*52.0*
Hutang dalam negeri	381.4	390.4	414.2	421.0	422.8
% daripada KDNK	*49.8*	*51.0*	*48.9*	*49.7*	*49.9*
Hutang luar negeri	16.4	16.7	15.9	16.2	18.1
% daripada KDNK	*2.1*	*2.2*	*1.9*	*1.9*	*2.1*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan